

## **PERUTUSAN AWAL TAHUN PENGARAH TANAH DAN GALIAN 2010**

Salam hormat kepada semua pengunjung laman sesawang Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan dan Selamat Tahun Baru 2010.

Selepas kejayaan menyelesaikan sebahagian besar tunggakan urusan tanah di Negeri Sembilan dalam tahun 2009, kini pentadbiran tanah bakal mengharungi cabaran baru dalam tahun 2010. Pentadbiran tanah akan terus memantapkan prestasi bagi menjamin perkhidmatan yang berkualiti untuk seluruh warga Negeri Sembilan khasnya dan seluruh masyarakat amnya. Berteraskan semangat Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, semua urusan akan diberikan layanan yang sepatutnya dengan adil dan saksama.

Segala urusan urusanniaga dan bukan urusanniaga di pentadbiran tanah akan diselesaikan dalam masa 14 hari. Ini adalah komitmen yang diberikan oleh seluruh pentadbiran tanah di dalam Negeri Sembilan. Selain daripada itu, pelaksanaan kaunter 'Fast Track' bagi perserahan individu yang melibatkan satu perserahan satu hakmilik terus ditingkatkan keberkesanannya. Urusan ini akan didaftarkan dalam masa sehari bekerja.

Permohonan bagi penukaran hakmilik sementara (QT) kepada hakmilik tetap (FT) juga dilihat telah meningkat dan ini menunjukkan kesedaran pemilik serta pemaju tentang keperluan membuat penukaran ini. Walaupun QT adalah sah digunapakai untuk segala urusan tanah, namun keperluan membuat penukaran kepada FT adalah bagi mematuhi kehendak Kanun Tanah Negara 1965. Saya berharap agar semua pihak seperti pemilik,

pemaju, pejabat tanah, Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) dan Juruukur Berlesen (JUBEL) dapat meneruskan kerjasama dalam menyelesaikan isu penukaran QT-FT ini.

Selain daripada itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan para pembeli hartanah terutamanya pembeli-pembeli di kawasan perumahan agar memastikan urusan pindahmilik telah dilaksanakan dengan sempurna oleh peguam masing-masing. Salah satu cara bagi memastikan perkara tersebut adalah dengan menerima salinan dokumen hakmilik yang sah sama ada daripada peguam atau membuat sendiri carian rasmi di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian bagi hakmilik Pendaftar atau di Pejabat Tanah Daerah masing-masing bagi hakmilik Pejabat Tanah. Hal ini penting selain daripada mengelakkan penipuan, ia juga bagi membolehkan bil cukai tanah atau segala urusan surat menyurat dapat disampaikan kepada pemilik yang sah.

Bagi urusan permohonan tanah yang telah dibuat sebelum tahun 2008, saya menyarankan kepada individu-individu yang masih belum mendapat keputusan permohonan mereka agar menghubungi Pentadbiran ini bagi tujuan semakan status permohonan masing-masing. Sila kemukakan maklumat yang berkaitan seperti salinan borang permohonan bagi memudahkan semakan.

Dalam usaha meningkatkan kutipan hasil, saya mengambil kesempatan ini menyeru semua pemilik tanah dan pembayar cukai tanah agar dapat menjelaskan cukai tahunan tanah masing-masing sebelum 31 Mei 2010 bagi mengelakkan denda lewat dan tindakan perampasan tanah di

bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara diambil terhadap pemilik yang engkar menjelaskan cukai tanah. Pembayaran boleh dibuat secara atas talian melalui laman web <http://www.ns.gov.my/ptgns/> ataupun di pusat-pusat kutipan yang telah dilantik selain daripada pejabat pos dan Pejabat Tanah Daerah sendiri.

Pembayaran juga boleh dibuat di kaunter-kaunter kutipan luar yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Tanah di daerah masing-masing. Ketahuilah bahawa membayar cukai tanah merupakan tanggungjawab setiap individu yang memiliki tanah dan ia hanya perlu dilaksanakan sekali setiap tahun. Sekiranya tuan-tuan masih belum menerima bil cukai tanah, sila hubungi pejabat tanah di daerah masing-masing atau pentadbiran ini untuk semakan dan kemaskini alamat surat menyurat.

Saya menaruh harapan melalui penggunaan laman ini, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian akan dapat menyumbang kearah mewujudkan perkhidmatan yang lebih cekap dan mantap selaras dengan kehendak kerajaan. Akhir kata, saya mengalu-alukan pandangan yang membina untuk memantapkan lagi pengurusan pentadbiran dan kemudahan yang disediakan. Marilah bersama-sama kita meneruskan kerjasama erat dan perhubungan yang baik demi untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri kearah Negeri Maju 2020. Terima kasih.